



Kayuhan Amal Mesra 50 Tahun Wilayah Persekutuan

KELAB Berbasikal Bandaraya Kuala Lumpur dengan sokongan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) menganjurkan Program Kayuhan Amal, sempena Sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan.

Bekas Atlet Berbasikal Negara merangkap Pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, selaku Pengarah Penganjuran, Nor Effandy Rosli berkata, acara itu untuk memeriahkan sambutan 50 tahun penubuhan Wilayah Persekutuan di samping memperingati jasa bekas-bekas atlet berbasikal kebangsaan terpilih yang pernah mengharumkan nama negara dan kini memerlukan bantuan.

Lebih 500 peserta bersama bekas-bekas atlet berbasikal kebangsaan menyertai acara itu dengan jarak kayuhan 15km melibatkan laluan-laluan ikonik Kuala Lumpur seperti Parlimen, Tugu Negara, Taman Tasik Perdana dan Masjid Negara.

Acara itu simbolik keharmonian dan perpaduan menerusi aktiviti riadah berbasikal berkonsepkan muhibah, penyatuan, dan kekeluargaan dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan peserta di Kuala Lumpur bagi meraikan sambutan 50 tahun penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

■ PESERTA Kayuhan Amal Mesra 50 Tahun Kuala Lumpur bergambar selepas menamatkan kayuhan.